

**NO. SOALAN: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7499**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan diambil berhubung rakaman video penyanyi Zamani Slam ketika sedang digari polis.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius perbuatan penyebaran gambar-gambar atau video mangsa atau orang kena tuduh (OKT) melalui media jalur lebar (*Facebook, Whatsapp* dan lain-lain lagi) oleh pegawai polis. Perbuatan ini bukan sahaja boleh menjatuhkan imej PDRM dan mencerminkan sikap tidak profesional dalam menjalankan tugas kepolisan tetapi juga boleh menimbulkan keresahan kepada orang kena tuduh dan ahli keluarga mereka.**

**Sehubungan dengan itu, arahan telah dikeluarkan oleh pucuk pimpinan PDRM agar semua ketua-ketua dan penyelia-penyelia dikehendaki menentukan setiap pegawai dan anggota di bawah seliaannya tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh menjejaskan imej PDRM dan perbuatan tersebut hendaklah dihentikan dengan serta merta sebelum tindakan tatatertib atau mencadangkan didakwa di Mahkamah ke atas sesiapa yang gagal mematuhi arahan yang telah dikeluarkan.**

**Berkaitan dengan penyebaran video penyanyi Zamani Slam yang disebarikan melalui *Youtube* baru-baru ini, pihak PDRM telah menjalankan siasatan di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi & Multimedia 1998 bersangkut Ampang repot 2159/15 dan sebagai**

**tindakan awal, anggota yang terlibat dalam salah laku tersebut telah ditukarkan dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik ke Tugas Am. Siasatan masih diteruskan untuk mendapatkan pengesahan pemilik sebenar akaun yang menyebarkan video berkenaan daripada pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebelum dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk arahan selanjutnya.**

**PDRM mengambil pendekatan tiada tolak ansur ke atas warganya yang melakukan kesalahan malah akan memastikan amalan disiplin yang tinggi dipatuhi termasuklah tindakan terhadap individu yang dibuktikan telah menyebarkan gambar-gambar atau video ke dalam internet. Perintah Tetap Ketua Polis Negara telah menggariskan tatacara rakaman, pengendalian dan penyimpanan keterangan gambar digital yang mana dalam apa situasi pun gambar digital tidak boleh dihantar menerusi jaringan telefon bimbit atau sistem e-mail yang tidak selamat.**